



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### MUZIUM, KEMAMPANAN DAN KESEJAHTERAAN

---

**KUCHING, 31 Julai 2023** – Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Abang Haji Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg, Premier Sarawak telah hadir bagi menyempurnakan Sambutan Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2023 di Perkarangan Borneo Cultures Museum. ‘**Muzium, Kemampanan dan Kesejahteraan**’ merupakan tema bagi sambutan kali ke-27 ini. Pada tahun ini merupakan kali ke-3 Sarawak menjadi tuan rumah yang mana sebelum ini adalah pada tahun 2003 dan 2013. Hari Muzium Antarabangsa diraikan oleh muzium-muzium di seluruh dunia pada tanggal 18 Mei setiap tahun hasil daripada resolusi Persidangan Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM) pada tahun 1977.

Hari Muzium Antarabangsa 2023 (HMA 2023) Peringkat Kebangsaan ini diterajui Kementerian Perpaduan Negara melalui Jabatan Muzium Malaysia. Ia diraikan secara bergilir-gilir bersama muzium-muzium negeri dan institusi yang bergabung di bawah Persatuan Muzium Malaysia pada setiap tahun. Lebih 800 warga muzium dari 27 muzium di seluruh Malaysia bersama orang ramai khususnya komuniti tempatan dijangka akan bersama-sama meraikan sambutan ini bermula pada **31 Julai 2023 hingga 5 Ogos 2023** dan menasarkankan seramai 100,000 orang pengunjung.

Objektif utama HMA 2023 Peringkat Kebangsaan adalah untuk membangkitkan kesedaran dalam kalangan masyarakat terhadap kepentingan institusi permuziuman dalam menjaga dan memelihara khazanah negara. Ia juga disambut sebagai tanda penghargaan kerajaan terhadap sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh institusi muzium. Selain itu, ia memberi peluang dan kesempatan kepada orang ramai untuk mengunjungi reruai pameran di mana, secara tidak langsung, dapat mengenali muzium dengan lebih dekat dan turut serta dalam pelbagai aktiviti muzium yang disediakan.

“Program seumpama ini membuktikan bahawa kesatuan dan kerjasama di antara muzium atau institusi yang terlibat serta penglibatan masyarakat mampu

menyumbang kepada pembangunan sosial yang berterusan, khususnya dalam pembentukan dan pengukuhan jati diri. Ia sejajar dengan matlamat utama Dasar Perpaduan Negara bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat. Ia juga signifikan dengan usaha membangunkan Masyarakat MADANI yang berteraskan integrasi nasional berdasarkan aturan hidup, menghindari konflik dan permusuhan yang boleh menyebabkan perpecahan”, ujar YB Datuk Aaron, Menteri Perpaduan Negara.

Pelbagai aktiviti menarik telah dirangka bagi pengisian sepanjang enam (6) hari sambutan ini antaranya 29 reruai pameran jualan dan demonstrasi, pameran muzium-muzium seluruh negara, persembahan artis popular, persembahan kebudayaan, sukan, seminar, Forum Perdana, Sarawak *Heritage Kitchen* dan Program Berambah di Kampung Santubong.

Hadir bersama ke program ini ialah YB Dato’ Sri Haji Abdul Karim Rahman Hamzah, Menteri Pelancongan, Industri Kreatif dan Seni Persembahan Sarawak dan Menteri Belia Sukan dan Pembangunan Usahawan Sarawak, YBhg. Dato’ Indera Noridah binti Abdul Rahim, Ketua Setiausaha Kementerian Perpaduan Negara, YBhg. Datuk Kamarul Baharin bin A. Kasim, Ketua Pengarah Jabatan Muzium Malaysia dan Puan Nancy Haji Jolhi, Pengarah Jabatan Muzium Sarawak.

## **Kementerian Perpaduan Negara**

31 Julai 2023

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak.*

Dikeluarkan oleh:- Unit Komunikasi Korporat  
b.p.: Ketua Setiausaha  
Kementerian Perpaduan Negara  
Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 (27)